



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

PROSPEK PERSATUAN TEKSI KLANG: PERANAN, SUMBANGAN,  
MASALAH DAN MASA DEPAN - SUATU TINJAUAN

Disediakan oleh:

|                         |          |
|-------------------------|----------|
| A.Wahab bin Muhamad     | 83886126 |
| Saifudin bin Abu Bakar  | 84098379 |
| Mohd. Fuzi bin Yatiman  | 84259755 |
| Khalid bin Abd. Hakim   | 83790717 |
| Mohd. Hariri bin Othman | 84640927 |

22hb. April, 1987.

PENGHARGAAN

---

Setelah kami berusaha dan berhempas pulas dengan sedaya kemampuan kami, penyelidikan ini telah berjaya disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Namun begitu, penyelidikan ini tidak mungkin akan dapat disiapkan tanpa adanya kerjasama dari pihak-pihak yang terlibat dengan bidang kajian ini.

Selaras dengan itu, kami ingin merakamkan ucapan berbanyak terimakasih kepada pihak-pihak yang berikut ini di atas sumbangan tenaga, pendapat dan kerjasama yang telah diberikan bagi membantu kami menyiapkan penyelidikan ini.

1. Penasihat kami, Encik Amaluddin Rose yang banyak membimbang dan memberikan pendapat yang bernas untuk menyiapkan penyelidikan ini.
2. Pihak pentadbiran Persatuan Teksi Klang termasuklah Setiausaha, Bendahari dan ahli-ahli persatuan yang telah memberikan maklumat-maklumat tentang persatuan yang menepati dengan keperluan penyelidikan kami.
3. Encik Jamaluddin Suriani, Pegawai Perhubungan Awam di Majlis Perbandaran Klang telah turut bekerjasama memberikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan perhentian teksi Klang.
4. Encik Armijan Midi, Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Pengangkutan Jalan (ibu pejabat) Wilayah Persekutuan yang telah memberikan maklumat-maklumat berkenaan dengan pengalibatan pihak JPJ di dalam usaha mengawal perkhidmatan teksi dan kereta sewa dan
5. Kepada pihak-pihak yang turut memberikan kerjasama samada secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu kami menyiapkan penyelidikan ini.

| <u>BAHAGIAN</u>  | <u>KANDUNGAN</u> | <u>MUKA SURAT</u> |
|--|------------------|-------------------|
| Prakata<br>Penghargaan   |                  | i<br>ii           |
| 1.   |                  |                   |
| 1.1 Ulasan bahan kajian  |                  | 1                 |
| 1.2 Tujuan penyelidikan  |                  | 1                 |
| 1.3 Objektif   |                  | 2                 |
| 1.4 Penyata masalah  |                  | 2                 |
| 1.5 Batasan  |                  | 3                 |
| 1.6 Andaian  |                  | 3                 |
| 1.7 Methodologi  |                  | 4                 |
| 2. <u>PENGENALAN</u>   |                  | 7                 |
| 2.1 Latar belakang Persatuan Teksi Klang                                 |                  | 7                 |
| 2.2 Objektif penubuhan   |                  | 7                 |
| 2.3 Peranan persatuan  |                  | 8                 |
| 2.4 Pentadbiran  |                  | 8                 |
| 2.5 Tanggungjawab di dalam menjalankan tugas                             |                  | 10                |
| 2.6 Keahlian persatuan   |                  | 13                |
| 2.7 Aktiviti persatuan   |                  | 15                |
| 3. <u>TEKSI DAN KERETA SEWA</u>  |                  | 16                |
| 3.1 Sejarah dan latarbelakang sistem pengangkutan teksi dan kereta sewa. |                  | 16                |
| 3.2 Pengenalan kepada teksi  |                  | 17                |

|   |           |
|---|-----------|
| 3.3 Kereta sewa   | 19        |
| 3.4 Jenis-jenis dan ciri-ciri pemilikan teksi.  | 20        |
| 3.5 Teksi dan kereta sewa di Persatuan Teksi Klang.   | 21        |
| 3.6 Pengendalian perjalanan teksi dan kereta sewa di perhentian teksi Klang.                  | 24        |
| 3.7 Kawalan kerajaan ke atas kenderaan awam   | 27        |
| <br>  |           |
| <b>4. ANALISA SOAL SELIDIK</b>  | <b>30</b> |
| 4.1 Analisa bidang kajian   | 30        |
| 4.2 Analisa soal selidik pemandu  | 30        |
| <br>  |           |
| <b>5. KAJIAN PERBANDINGAN</b>   |           |
| 5.1 Pengenalan  | 52        |
| 5.2 Tujuan syarikat   | 52        |
| 5.3 Kegiatan-kegiatan syarikat  | 52        |
| 5.4 Ahli-ahli syarikat  | 53        |
| 5.5 Syarat-syarat menjadi ahli  | 53        |
| 5.6 Bayaran menjadi ahli  | 53        |
| 5.7 Berhenti menjadi ahli   | 53        |
| 5.8 Pemecatan ahli  | 54        |
| 5.9 Modal syarikat  | 54        |
| 5.10 Pengkalan dan destinasi  | 55        |
| 5.11 Persamaan di antara Syarikat Kerjasama dan Persatuan Teksi Klang.                        | 55        |
| 5.12 Perbezaan di antara Syarikat Kerjasama dan Persatuan Teksi Klang.                        | 56        |
| 5.13 Keuntungan dan faedah-faedah jika memasuki Persatuan Teksi Klang dan Syarikat Kerjasama. | 58        |

## 1.1 Ulasan Bahan Kajian.

Pengangkutan adalah sebahagian dari keperluan dalam kehidupan manusia. Manusia perlu kepada pengangkutan bagi membolehkan mereka bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

Fungsi utama perkhidmatan pengangkutan adalah untuk memudahkan gerakan penumpang dan barang ke sesuatu tempat yang hendak dituju.

Dalam perkembangan teknologi moden dewasa ini keperluan terhadap pengangkutan yang lebih cepat dan lebih selesa adalah lebih diutamakan oleh orang ramai.

Kebanyakan negara-negara maju, pengangkutan jalanraya merupakan satu sistem pengangkutan yang penting dalam perhubungan. Perkhidmatan teksi adalah salah satu bentuk pengangkutan yang terdapat di jalanraya.

Ia diujudkan sebagai satu bentuk pengangkutan awam yang cepat dan selesa dan juga menjadi alternatif lain kepada orang ramai yang menggunakan perkhidmatan awam. Dalam usaha untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang teratur dan berkesan maka perlu untuk diadakan satu persatuan untuk mentadbir dan menyelaraskan perjalanan perkhidmatan pengangkutan tersebut.

Persatuan Teksi Klang adalah salah sebuah dari persatuan yang terdapat di Malaysia. Penubuhan persatuan tersebut adalah untuk mengabungkan para pemandu teksi di bawah satu persatuan dan mewujudkan satu sistem perjalanan perkhidmatan teksi yang teratur di bandar Klang bagi kemudahan orang ramai yang memerlukannya. Selain daripada perkhidmatan teksi yang disediakan kepada orang ramai, persatuan ini juga turut memberi sumbangan kepada ahli-ahlinya seperti bantuan dalam bentuk kewangan dan kemudahan perhentian teksi yang disediakan.

Memandangkan kepada perlunya satu perkhidmatan teksi yang lebih baik dan teratur, maka kajian ini akan menumpukan kepada keberkesanannya persatuan tersebut dalam usaha ke arah itu.

## 1.2 Tujuan Penyelidikan

Penyelidikan ini pada asasnya adalah bertujuan untuk mengkaji mengenai peranan, sumbangan, masalah dan masa hadapan Persatuan Teksi Klang di Selangor. Selain dari itu, penyelidikan ini juga memberi penekanan dalam mengenal pasti masalah-masalah yang dialami oleh pihak persatuan tersebut dan mengemukakan saranansaran yang dapat membantu pihak persatuan mengatasinya masalah - masalah yang dihadapi.